

FONONLINE

Berita Tepat Satukan Rakyat

[KL-Kuala Selangor Expressway Masuk Peringkat Akhir](#)

> PDF > PRINT > EMAIL

[Berita](#) | [Am](#)

Written by Raja on Thursday, 21 April 2011 16:10

KUALA LUMPUR - Lebuh Raya Asam Jawa-Templer (LATAR Expressway) yang menghubungkan Kuala Lumpur di Taman Templer di Gombak dengan bandar Ijok di Kuala Selangor, kini memasuki peringkat akhir pembinaan.

Syarikat konsesi KL-Kuala Selangor Expressway Bhd (KKSE) berkata laluan dua lorong sehala sepanjang 33km itu akan menjadi laluan hubungan alternatif ke jalan Sungai Buloh-Kuala Selangor (Jalan Persekutuan 54) sedia ada.

Dalam satu kenyataan pada Khamis, ia berkata LATAR Expressway akan menawarkan pemanduan yang lebih pantas, selamat dan lancar selain mengurangkan masa perjalanan kepada 18 minit.

Lebuh raya itu mempunyai empat susur bertingkat dan tiga plaza tol di setiap arah.

KKSE memperoleh konsesi lebuh raya itu untuk tempoh 40 tahun dengan Mudajaya Holdings Bhd merupakan kontraktor utama. Pembinaan bermula pada Oktober 2008. – BERNAMA